




JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Perdana Menteri (JPM) beriltizam untuk melaksanakan dan mengekalkan persekitaran tempat kerja yang selamat dan sihat kepada seluruh warga kerja dan pihak-pihak lain melalui budaya kerja yang terancang dan sistematik.

Bagi menjayakan dasar ini, JPA memastikan langkah-langkah berikut dilaksanakan:

1. Menzahirkan persekitaran tempat kerja yang selamat dan sihat untuk warga kerja dan pihak-pihak lain melalui perancangan kerja yang teratur dalam situasi biasa maupun kecemasan;
2. Menyediakan sumber kewangan, informasi, program dan latihan yang berterusan serta menerapkan budaya kerja selamat dan sihat direalisasikan melalui amalan perkongsian tanggungjawab oleh semua warga JPA dan pihak-pihak lain;
3. Menyiasati dan mengambil tindakan pembetulan serta pencegahan dengan segera ke atas setiap kemalangan pekerjaan yang berlaku dan melaporkannya kepada pihak berkaitan; dan
4. Memastikan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dilaksanakan secara efektif dengan penambahbaikan yang berterusan selaras dengan misi, visi, objektif jabatan ke arah membudayakan sistem kerja yang selamat dan sihat dari semasa ke semasa.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Wan Ahmad Dahlwan".

.....
DATO' SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

TARIKH: 15/02/24



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

DASAR KESELAMATAN PERLINDUNGAN

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Perdana Menteri (JPM) beriltizam untuk mengekalkan persekitaran kerja yang selamat, selesa dan kondusif melalui pelaksanaan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017). Bagi menjayakan dasar tersebut JPA, JPM komited untuk:

1. melantik Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) dan Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) serta menujuhkan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan (JKP) yang bertanggungjawab memastikan arahan keselamatan Kerajaan dilaksanakan;
2. memastikan aspek keselamatan fizikal dipatuhi berasaskan kepada prinsip-prinsip keselamatan perlindungan bagi mencegah, mengesan, melengahkan dan mengambil tindakan bagi mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selamat;
3. memastikan perlindungan dan kawalan yang diberikan ke atas keselamatan dokumen, maklumat serta bahan rahsia rasmi tidak dikompromi dan mencegah akses serta penyebaran maklumat tanpa kebenaran serta membantu penyiasatan terhadap sebarang kebocoran;
4. menjamin dan mengutamakan konsep keselamatan dan perlindungan ke atas semua set ICT dan memastikan teknologi terkini diguhakan untuk melindungi data dalam menghalang sebarang capaian oleh pihak luar;
5. memastikan aspek keselamatan peribadi terjamin sepenuhnya yang bertujuan memastikan warga JPA dan mana-mana pihak lain yang berurusan dengan perkhidmatan awam sentiasa melindung rahsia rasmi dan perkara rasmi mengikut dasar, prosedur undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
6. memastikan kualiti pengurusan semua aktiviti yang berkaitan perkhidmatan mengekalkan ketersediaan dan kesinambungan perkhidmatan apabila berlaku sebarang gangguan (*disruption*).

DATO' SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

TARIKH: 15/02/2018